



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**TAHAP PENGGUNAAN PROJEKTOR OVERHEAD
DI SEKOLAH-SEKOLAH LUAR BANDAR:
SATU TINJAUAN**

MOHD JAN BIN AB. SHUKOR

FPP 1998 47

**TAHAP PENGGUNAAN PROJEKTOR OVERHEAD
DI SEKOLAH-SEKOLAH LUAR BANDAR:
SATU TINJAUAN**

MOHD JAN BIN AB. SHUKOR

**MASTER SAINS
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
1998**



PENGHARGAAN

Dengan Menyebut Nama Allah

Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang

Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat yang Khaliq, Allah S.W.T di atas limpah kurnia dan hidayatnya, telah memberikan kekuatan, kecekalan dan keazaman sehingga kajian dan kertas projek ini dapat disempurnakan. Kajian dan kertas projek ini tidak mungkin boleh diselesaikan tanpa bantuan dari pelbagai pihak, secara langsung atau pun tidak langsung. Sedemikian, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada:

1. Prof. Madya Dr. Hj. Naim Bin Hj. Ahmad sebagai penyelia kajian ini yang telah sudi memberi tunjukajar dan bimbingan kepada saya di dalam melaksanakan kajian dan penulisan kertas projek ini: membuat semakan dan memperbaiki soal selidik kajian ini. Namun demikian segala kekurangan dan kelemahan yang terdapat di dalam kertas projek ini merupakan tanggungjawab saya sepenuhnya.
2. Prof. Madya Dr. Othman Bin Dato' Hj. Mohamad, kerana telah membantu saya memberikan semangat dan keyakinan serta tunjukajar dalam menyiapkan penulisan kertas projek ini dengan tidak pernah rasa jemu.

3. Pengetua-pengetua ketiga-tiga sekolah iaitu Pengetua, Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Bendahara, Jasin, Melaka, Pengetua, Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Rambai, Melaka dan Pengetua, Sekolah Menengah Kebangsaan Air Molek, Melaka yang telah sudi memberikan kerjasama kepada saya menabur soal selidik serta menjalankan kajian di ketiga-tiga sekolah menengah ini.

4. Seluruh warga Universiti Putra Malaysia yang telah memberikan sumbangan, bantuan, semangat dan dorongan untuk saya menyelesaikan pengajian saya di UPM

5. Kepada Bonda dan Ayahanda tersayang Allahyarhamah Hajjah Selimah Binti Hj. Nayan dan Allahyarham Hj. Ab. Shukor Bin Hj. Amin yang telah meninggal dunia dan Ayahanda Allahyarham Mohd Shah Bin Senin, juga telah meninggal dunia. Semoga roh mereka dicucuri rahmat dan sentiasa dalam pengampunan serta kasih sayang Allah s.w.t.

6. Kepada kedua-dua nenda tersayang Allahyarhamah Hajjah Badiah binti Lebai Rashid dan Allahyarham Hj. Nayan bin Hj. Zainal yang telah sudi menabur bakti memelihara cucuanda dengan penuh kasih sayang sejak berumur 2 bulan lagi hinggalah ke saat usia remaja 13 tahun. Kedua-dua nendaku telah meninggal dunia. Semoga roh kedua-duanya sentiasa dicucuri rahmat dan dalam pengampunan serta kasih sayang Allah s.w.t.

7. Isteriku yang amat disayangi hingga ke akhir hayatku Norshita Binti Mohd Shah dan anak-anakku tercinta Nurul Hafiza, Nurul Shahida, Nurul Amrina, Nurul Nadira dan Mohd Hafizi (yang telah kembali ke rahmatullah baru-baru ini) yang dengan penuh kesabaran dan keikhlasan telah memberikan sumbangan fizikal dan mental, semangat dan dorongan untuk saya menyelesaikan pengajian ini di Universiti Putra Malaysia.

8. Rakan-rakan karibku seperjuangan di UPM, rakan-rakan sekerja di Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Mahkota, Umbai, Warga Taman Emas, Telok Mas, Melaka, yang banyak memberikan bantuan, sokongan moral dan dorongan untuk saya menyelesaikan pengajian ini di UPM.

9. Akhir sekali kepada semua pihak yang telah membantu tetapi tidak dapat disebutkan di dalam ruang yang terhad ini. Hanya Allah s.w.t sahajalah yang dapat membalas ganjaran pahala kepada semua pihak yang terlibat. AMIN.

DAFTAR KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN.....	i
KANDUNGAN.....	iv
SENARAI JADUAL.....	vi
SENARAI GAMBAR.....	ix
SENARAI SINGKATAN.....	x
ABSTRAK.....	xi
ABSTRACT.....	xiii
BAB	
1. PENGENALAN.....	1
Latar Belakang Kajian.....	2
Perkembangan Penggunaan Media Pendidikan Di Malaysia.....	1
Kebaikan-kebaikan Penggunaan Media (termasuk OHP) Dalam Pendidikan.....	4
Sekolah-sekolah Mene Luar Bandar.....	8
Pernyataan Masalah.....	10
Objektif Kajian.....	14
Soalan-Soalan Kajian.....	15
Kepentingan Kajian.....	15
Batasan Kajian.....	18
Definisi Operasional.....	19
Penggunaan.....	19
Tahap penggunaan.....	19
Media pengajaran.....	20
Teknologi pendidikan.....	21
Sekolah-sekolah Luar Bandar.....	22
Projek or Overhead (OHP).....	23
2. SOROTAN KAJIAN BERKAITAN.....	25
Pengenalan.....	25
Media pengajaran jenis OHP.....	25

Media pengajaran : Perkembangan sejarah dan peranan serta fungsinya.....	28
Sejarah Bahagian Teknologi Pendidikan(BTP).....	28
BTP Masa Kini.....	32
Kesan penggunaan OHP ke atas pembelajaran... ..	34
Kebaikan penggunaan Media Pengajaran (OHP) dalam pengajaran dan pembelajaran.....	46
Tahap penggunaan OHP dalam Pembelajaran dan Pengajaran..	51
Kemudahan kelengkapan dan peralatan Media Pengajaran (termasuk OHP).....	51
Kekerapan penggunaan media (termasuk OHP) dalam pengajaran dan pembelajaran.....	54
Galakkan pihak pentadbiran.....	58
Pendedahan latihan kaedah penggunaan yang betul.....	61
Kesedaran tentang kebaikan Penggunaan (OHP) Dengan betul.....	66
Panduan Penggunaan OHP Di dalam Bilik Darjah.....	68
Langkah-langkah Keselamatan.....	69
Mengenal bahagian-bahagian OHP.....	70
Panduan sebelum pengajaran dan pembelajaran.....	72
3. KAEDAH KAJIAN.....	74
Rekabentuk Penyelidikan.....	74
Subjek Kajian.....	74
Tempat Kajian.....	75
Alat Kajian (Instrumentasi).....	77
Kaedah Penyelidikan.....	80
Pengumpulan Data.....	80
Penganalisan Data.....	81
4. DAPATAN KAJIAN.....	82
Pengenalan.....	82
Kemudahan kelengkapan dan peralatan OHP Di tempat kajian.....	83
Tahap penggunaan OHP di Tiga Sek. Men. Kebangsaan Yang dikaji.....	88
Galakkan terhadap penggunaan OHP dalam pengajaran Dan pembelajaran.....	92
Pendedahan terhadap latihan kaedah penggunaan OHP dalam pengajaran dan pembelajaran.....	96
Kesedaran tentang kebaikan penggunaan OHP dalam pembelajaran.....	100

5.	KESIMPULAN DAN CADANGAN.....	107
	Pengenalan, latar belakang, pernyataan masalah.....	107
	Objektif kajian dan persoalan kajian.....	109
	Kaedah kajian, batasan kajian, subjek kajian, tempat kajian, kaedah kajian dijalankan, pengumpulan data dan analisis.....	110
	Kesimpulan dapatan kajian.....	111
	Perbincangan.....	112
	Cadangan.....	114
	Penutup.....	117
	BIBLIOGRAFI.....	118
	LAMPIRAN	
	LAMPIRAN A.....	128
	LAMPIRAN B.....	131
	LAMPIRAN C.....	133
	LAMPIRAN D.....	134
	BIODATA PENYELIDIK.....	136
	PENGAKUAN.....	137
	PENGESAHAN PENYELIA PROJEK	
	PENGESAHAN TIMBALAN DEKAN	



SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
1 Peratusan Penggunaan Deria Manusia.....	42
2 Kesan Kegiatan Pembelajaran Terhadap Peratusan Ingatan.....	43
3 Kemampuan Beberapa Media Pengajaran Dalam Mencapai Objektif Pengajaran.....	44
4 Perbezaan Persepsi Terhadap Ciri-Ciri Reka Bentuk Pengajaran.....	49
5 Perkhidmatan Pinjaman Pengguna Alatan PSPN/JPN Melaka Tahun 1994.....	57
6 Sikap Pengetua, Rakan Sejawat, Murid dan Guru PSP terhadap Penggunaan Media Elektronik (termasuk OHP).....	59
7 Sikap Pengetua, Rakan Sejawat dan Murid-Murid Dalam Penggunaan Media Elektronik (termasuk OHP).....	60
8 Sikap Pengetua, Rakan Sejawat dan Murid-Murid Dalam Penggunaan Media Elektronik (termasuk OHP).....	61
9 Bilangan Peserta Bagi Kursus Dalam Perkhidmatan Negeri Melaka Sehingga Awal Tahun 1982.....	62
10 Bilangan Peserta Bagi Kursus Dalam Perkhidmatan Di Peringkat Persekutuan Sehingga Awal Tahun 1982.....	62
11 Perkhidmatan Pinjaman/Penggunaan Alatan PSPN.....	67
11 Senarai Alatan Media Elektronik Yang Di Selenggara Oleh PSPN Negeri Melaka Bagi Tahun 1994.....	67
12 Peratus Kemudahan Kelengkapan, Peralatan dan Media Elektronik Jenis OHP.....	83
14 Tahap Kemudahan Kelengkapan, Peralatan Media Pengajaran Jenis OHP.....	84
15 Kelengkapan Bilik Tayangan, Alatan Media Elektronik OHP.....	85

16	Peratus kekerapan Penggunaan OHP Dalam Pengajaran dan Pembelajaran.....	90
17	Tahap Kekerapan Penggunaan OHP Dalam Pengajaran dan Pembelajaran.....	91
18	Peratus Galakkan Pengetua Dan Rakan Sejawat Dalam Penggunaan OHP Dalam Pengajaran dan Pembelajaran.....	93
19	Tahap Galakkan Terhadap Penggunaan OHP Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran.....	94
20	Persepsi Guru Terhadap Rasa Suka Pelajar-Pelajar Menggunakan OHP Di dalam Pengajaran dan Pembelajaran.....	95
21	Tahap Rasa Suka Pelajar-Pelajar Terhadap Penggunaan OHP Dalam Pengajaran dan Pembelajaran.....	95
22	Peratus Pendedahan Latihan Kaedah Penggunaan OHP Yang Betul Dalam Pengajaran dan Pembelajaran.....	96
23	Tahap Pendedahan Latihan Kaedah Penggunaan OHP Yang Betul Pengajaran dan Pembelajaran.....	99
24	Peratus Kesedaran Terhadap Penggunaan OHP Dalam Pengajaran dan Pembelajaran.....	102
25	Tahap Kesedaran Para Guru Terhadap Penggunaan OHP Dalam Pengajaran dan Pembelajaran.....	105

SENARAI GAMBAR

Gambar		Halaman
1	Projektor Overhead Dan Bahagian-Bahagiannya.....	24

SENARAI SINGKATAN

APD	=	Alat Pandang Dengar
BPG	=	Bahagian Pendidikan Guru
BTP	=	Bahagian Teknologi Pendidikan
EPRD	=	Educational Planning Research Department.
IAB	=	Institut Aminuddin Baki
JPN	=	Jabatan Pendidikan Negeri
MAMPU	=	Unit Penyelaras Perancang Ekonomi
MRSM	=	Maktab Rendah Sains MARA
OHP	=	Projektor Overhead
PKG	=	Pusat Kegiatan Guru
PSPN	=	Pusat Sumber Pendidikan Negeri
PSS	=	Pusat Sumber Sekolah
PSP	=	Perkhidmatan Sebaran Pendidikan
PTPM	=	Persatuan Teknologi Pendidikan Malaysia
SMK	=	Sekolah Menengah Kebangsaan
TVP	=	Televisyen Pendidikan
UPM	=	Universiti Putra Malaysia
UTP	=	Unit Teknologi Pendidikan
UKM	=	Ukuran Kecenderungan Memusat



ABSTRAK

Abstrak projek yang dikemukakan kepada Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat bagi memperolehi Ijazah Master Sains

TAHAP PENGGUNAAN PROJEKTOR OVERHEAD(OHP) DI SEKOLAH-SEKOLAH LUAR BANDAR: SATU TINJAUAN

Oleh

MOHD JAN BIN AB. SHUKOR

MAC, 1998

Penyelia: Prof. Madya Dr. Hj. Naim Bin Hj. Ahmad

Fakulti: Pengajian Pendidikan

Tinjauan ini bertujuan untuk mengenalpasti tentang (1) sejauh manakah kemudahan kelengkapan OHP sedia ada di sekolah-sekolah menengah kebangsaan di luar bandar (2) tahap penggunaan OHP dalam pengajaran dan pembelajaran (3) adakah inovasi galakkan terhadap penggunaan OHP; (4) adakah para guru pernah didedahkan dengan latihan kaedah penggunaan OHP yang betul dalam Pengajaran dan Pembelajaran; (5) Tahap kesedaran para guru tentang kebaikan-kebaikan penggunaan OHP dalam pengajaran dan pembelajaran.

Kaedah tinjauan ini menggunakan alat kajian dan temubual tidak berstruktur untuk mendapatkan data. Kajian ini dilakukan di 3 buah sekolah di luar bandar di Negeri Melaka.



Cadangan subjek kajian terdiri daripada 60 orang guru yang mengajar di pelbagai tingkatan. Selain alat kajian, data tahap penggunaan OHP dalam pendidikan diperolehi daripada temubual tidak berstruktur dengan 3 orang Pengetua sekolah-sekolah luar bandar, 30 orang guru yang mengajar di tiga buah sekolah luar bandar, 3 orang pegawai Pusat Sumber Sekolah dan 30 orang pelajar di tiga buah sekolah luar bandar kajian. Data-data yang diperolehi dianalisis dengan bilangan, peratusan dan ukuran kecenderungan memusat.

Hasil tinjauan ini memberikan beberapa konklusi seperti, (1) tahap kemudahan kelengkapan dan peralatan OHP sedia ada di sekolah-sekolah luar bandar ada rendah, (2) tahap penggunaan OHP di sekolah-sekolah luar bandar adalah rendah, (3) tahap galakkan terhadap penggunaan OHP dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah luar bandar adalah tinggi, (4) tahap pendedahan para guru kepada latihan kaedah penggunaan OHP yang betul dalam pengajaran dan pembelajaran adalah rendah, dan (5) tahap kesedaran para guru terhadap kebaikan penggunaan OHP dalam pengajaran dan pembelajaran adalah tinggi.

Daripada hasil tinjauan ini dicadangkan; (1) diperbanyakkan lagi peralatan OHP di semua sekolah luar bandar, (2) pengetua dan para guru harus bersikap lebih positif dan terbuka terhadap penggunaan OHP dalam proses pengajaran dan pembelajaran, (3) adakan pendedahan latihan yang lebih kerap kaedah menggunakan OHP yang betul kepada semua guru di SMK luar bandar, (4) Pihak berkuasa Kementerian Pendidikan, Bahagian Teknologi Pendidikan, Pusat Sumber Pendidikan Negeri, Pusat Kegiatan Guru harus memikirkan untuk menambatkan bilangan OHP di setiap sekolah atau pun di setiap kelas.

ABSTRACT

Abstract of the project presented to the Faculty of Educational Studies, Universiti Putra Malaysia in partial fulfilment of the requirements for Degree of Master of Science

THE EXTENT IN THE USAGE OF OVERHEAD PROJECTORS IN RURAL NATIONAL SECONDARY SCHOOLS: AS A SURVEY

by

MOHD JAN BIN AB. SHUKOR

MAC, 1998

Supervisor: Associate Professor Dr. Hj. Naim Bin Hj. Ahmad

Faculty: Educational Studies

This surveys aims to gather information on; (1) the standards of existing equipment overhead projectors used in rural secondary schools. (2) how much and how often the overhead projectors are being used. (3) was there encouragment in using the overhead projectors. (4) are teachers being exposed to the right techniques/courses in using overhead equipment in teaching. (5) how much awareness do teachers have regarding the advantages in using overhead projectors in teaching and learning.



This survey was carried out in Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Bendahara, Jasin, Melaka; Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Rambai, Melaka and Sekolah Menengah Kebangsaan Air Molek, Melaka. Methods used in the survey were in the form of questionnaires and unstructured interviews. Questionnaires were given out to sixty teachers teaching form one to five, while interviews were carried out with three principals, fifteen teachers, three library assistants and thirty students. Data collected were analysed in term of frequency, percentage and measurement of central tendency.

Finding indicate that: (1) the standard of existing equipment educational OHP mechines in SMK is low. (2) the usage of the OHP mechines in teaching and learning is low. (3) the encouragement given in using OHP mechines is high. (4) the exposure given to teachers in using the OHP mechines in teaching is low. (5) the teachers awareness of the advantages in using OHP mechines in teaching and learning is high.

From this survey, it is suggested that: (1) the number of unit OHP mechines be increased. (2) the principals and teachers be more open and positive towards the usage of OHP mechines in schools. (3) the beginning courses on the right ways of handling the OHP mechines be organised for SMK teachers. (4) the Ministry of Education; The Educational Technology Division; the State Educational Resources Centre, be more aware of and able to identify the resources available and needs in schools or in the classes.

BAB 1

PENDAHULUAN

Latar Belakang

Perkembangan Penggunaan Media Di Dalam Pendidikan

Perkembangan awal penggunaan media di dalam pendidikan bermula dari Negara Barat. Pada pertengahan pertama kurun ini terdapat ciptaan 'mesin pengajaran' (1925) oleh Sidney Pressey, radio (1920an), televisyen (1930an). Teknologi 'mesin pengajaran' ini telah menarik perhatian B.F Skinner pada tahun 1950an yang menggunakannya sebagai demonstrasi kepada teori pelaziman operan yang menjadi kunci kepada pembelajaran. Justeru itu, daripada awal-awal lagi kita dapati bahawa peranan teknologi pendidikan dan teknologi pengajaran mempunyai hubungan yang rapat dengan teori-teori pembelajaran (Ab. Rahim; 1987).

Sementara itu terdapat juga perkembangan dan dapatan baru yang menyatakan bahawa teknologi bukan sahaja merangkumi aspek-aspek perkakasan (hardwares) dan bahan-bahan perisian (softwares) tetapi juga aspek mengenai 'useware' iaitu seni pengendalian dan penggunaan sepadu, seimbang dan harmoni (Suetake, 1979). Kaedah ini boleh membantu menghasilkan pengajaran yang berkesan dan bermakna

Negara ini sudah memulakan perkhidmatan penyiaran ke sekolah-sekolah (1946) dan pusat alat pandang dengar (1949) di mana terdapatnya amalan-amalan penggunaan filem dan bahan-bahan dalam pengajaran (Nuruddin bin Jamin, 1978).

Dengan berlandaskan kepada latar belakang serta desakan-desakan yang menunjukkan dan memberi kesan kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran, kerajaan telah mengambil keputusan dengan menggunakan sepenuhnya potensi-potensi yang ada dalam teknologi pendidikan dengan cara mewujudkan satu perkhidmatan media pendidikan yang lebih berkesan dan berpadu melalui jabatan-jabatan yang sedia ada dan mewujudkan lagi jabatan-jabatan baru (Ab. Rahim, 1987).

Menurut Kassim Abbas (1983), penggunaan pelbagai media dalam pendidikan di negara ini bermula sejak tahun-tahun 50an tetapi jenis alat atau media yang digunakan agak terhad. Hanya mulai tahun 1971 konsep teknologi pendidikan diperkembangkan dengan penubuhan Bahagian Perkhidmatan Sebaran Pendidikan, Kementerian Pelajaran Kuala Lumpur.

Langkah-langkah ini telah membawa kepada penubuhan Bahagian Perkhidmatan Sebaran Pendidikan (PSP) di Kementerian Pendidikan pada 1972. Bahagian ini mengandungi Seksyen Radio Pendidikan, Seksyen Alat Pandang Dengar, Seksyen Televisyen Pendidikan, Seksyen Kejuruteraan dan Seksyen Penilaian.

Mulai tahun-tahun 1980an terdapat kesedaran bahawa teknologi boleh membekalkan sumber-sumber dan perkhidmatan-perkhidmatan secara bersepadu kepada proses pengajaran dan pembelajaran di tiap peringkat pendidikan di negara ini (Abdul Rahim, 1987).

Menurut Abdul Rahim Mohd Saad (1997), pada ketika ini masyarakat sedang mengalami berbagai perubahan dan inovasi seperti komunikasi digital dan satelit, globalisasi ekonomi dan hubungan, Koridor Raya Multimedia, dunia tanpa sempadan, kerajaan elektronik, sekolah bestari dan banyak lagi. Kesemua perubahan dan inovasi ini telah meninggalkan banyak kesan dan implikasi kepada program-program pendidikan, latihan dan pembangunan sumber manusia.

Menurut Sulaiman Daud (1991), Teknologi pendidikan tidak lagi harus dianggap sebagai satu bidang pengkhususan yang dipelajari dan diamalkan oleh segelintir golongan pendidik sahaja. Dalam konteks pendidikan masa kini, proses pengajaran dan pembelajaran tidak akan berlaku tanpa penglibatan teknologi pendidikan. Oleh yang demikian, bolehlah dirumuskan bahawa setiap guru adalah guru teknologi pendidikan, kerana hanya melalui pendirian dan sikap inilah dapat kita mewujudkan sistem pengajaran dan pembelajaran yang bersistematis, berkesan dan berkualiti.

Lantaran ini penggunaan media dalam pengajaran dan pembelajaran adalah penting bagi mengukuhkan lagi penakulan pelajar terhadap intisari pembelajaran di samping menarik minat dan memberangsangkan pelajar dalam sesi pengajaran dan pembelajaran.

Kebaikan-kebaikan Penggunaan Media (termasuk OHP) Dalam Pendidikan

Banyak kebaikan yang telah dikenalpasti dari penggunaan media (termasuk OHP) dalam pengajaran dan pembelajaran. Jika media ini dapat dimaksimumkan penggunaannya sesuai dengan sesuatu objektif pengajaran, maka pengajaran akan lebih bermakna lagi. Menurut Kemp *et.al.*(1989) sekiranya digabungkan dengan bijak ketiga-tiga elemen tersebut iaitu gambar, kata-kata dan bunyi, hasilnya dapat mengubah emosi, pendirian dan pergerakan seseorang.

Menurut Suhaimi (1994), dalam keadaan dunia pendidikan yang sedang mengalami banyak perubahan ini, sudah tentu pelbagai alatan sokongan amat diperlukan bagi menjayakan proses pengajaran, pembelajaran dan penghantaran maklumat. Projektor overhead (OHP) merupakan salah satu alat yang kian popular digunakan bukan sahaja oleh dunia korporat malahan di sekolah-sekolah dan juga jabatan-jabatan kerajaan.

Memandangkan projektor overhead semakin luas digunakan dalam sistem pendidikan masa ini, adalah menjadi hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia untuk membantu guru agar dapat menggunakan projektor overhead dengan lebih sempurna. Panduan penggunaan projektor overhead ini diharapkan dapat memberikan idea dan panduan praktis bagaimana sebuah projektor overhead digunakan dalam penyampaian taklimat dan sebagai alat bantuan mengajar yang berkesan dalam bilik darjah. (Abdul Rahman Hj. Arshad, 1986).

Menurut Poh Swee Hiang dan rakan-rakan (1996), OHP mempunyai banyak keutamaan daripada kaedah-kaedah persembahan informasi visual yang lain kerana tumpuan penuh audien adalah setumpu berbanding dengan kaedah di mana guru menyampaikan maklumat melalui kapur atau pen penanda (marker pen) sahaja. Ia juga boleh merupakan satu persembahan yang tidak perlu dijelaskan melalui laluan komunikasi lisan kerana apa yang dijelaskan lebih 'explicit' serta maklum balas daripada audien/kelas lebih semerta. Antara lain kelebihan penggunaan projektor overhead dapat menunjukkan bahan prapenyediaan umpamanya menyedia rajah-rajah kosong, ruangan-ruangan asas serta mampu menyediakan koleksi sistematik 'syarahan spontan'

Menurut Brown (1973), kebaikan penggunaan OHP dalam pengajaran dan pembelajaran amat terbukti. Beliau menyatakan tiada terdapat sebuah sekolah pun di Amerika Syarikat atau Kanada di mana tenaga pengajar tidak mempunyai peluang bagi menggunakan kemudahan alatan projektor overhead. Kebanyakan sekolah-sekolah ini menganggap perbekalan OHP sebagai satu alatan yang kekal bagi digunakan dalam latihan amali setiap bilik darjah dan di dewan-dewan syarahan. Tambahan pula, alatan OHP tidaklah begitu mahal harganya, dan hanya memerlukan pemerhatian ringkas di samping boleh digunakan dalam jangkamasa yang panjang serta memerlukan penyelenggaraan minimum sahaja.

Menurut Ellington (1985), sekiranya perancangan bahan lutsinar dibuat dengan baik, ia akan dapat menyediakan semua gambaran/klue dan 'aides-memoire' sebagaimana diperlukan sewaktu pembelajaran, dengan itu tidak akan berlaku pengajaran konvensional.

Beliau menambah lagi penggunaannya menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan dengan tambahan-tambahan warna dan ilustrasi selain daripada penghurufan. Di samping itu ia bersifat senang digunakan, bersih, menjimatkan masa dan tenaga serta tidak memerlukan bilik gelap yang memudahkan pelajar mengambil nota sewaktu penyayangan.

Menurut Dale (1964) pula, pengajaran boleh diperbaiki dengan menggunakan 'alat pandang dengar', satu istilah sempit dianggap kuno pada masa kini dan digantikan dengan istilah 'media pengajaran'. Sebahagian besar proses pembelajaran terletak di tangan pelajar. Guru boleh berubah peranan menjadi seorang pembimbing yang akan membantu si pelajar tadi menyelesaikan sesuatu masalah.

Walau bagaimanapun kepentingan guru tidak sekali-kali harus diperkecilkan terutama sekali sebagai seorang pakar memilih bahan media yang sesuai agar isi sesuatu pelajaran dapat disampaikan dengan menghasilkan kesan yang paling maksimum.

Jacquelyn Peake (1989), mengakui bahawa penggunaan media khususnya media elektronik dalam pengajaran dan pembelajaran akan memberi banyak kelebihan. Pendapat beliau lagi, pada kebiasaannya, maklumat yang diterima melalui deria penglihatan adalah lebih baik dan terperinci (selain dari keupayaan mengingatkannya lebih tinggi) daripada maklumat-maklumat yang diterima melalui empat deria yang lain. Atas alasan ini ramai pelajar mengakui keupayaan mereka menaakul sesuatu maklumat melalui deria penglihatan lebih cepat berbanding dengan deria-deria lain.

Beliau menambah lagi, hampir semua pelajar menyatakan keyakinannya ke atas semua maklumat yang dicerap melalui deria penglihatan daripada maklumat yang disampaikan secara lisan.

Sekolah-Sekolah Menengah Pilihan Di Luar Bandar

Menurut Sejarah Sekolah-sekolah Negeri Melaka (1991), Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Bendahara telah dibina pada awal tahun 1960, tetapi sekolah tersebut pada masa itu belum lagi mempunyai bangunan sendiri. SMK Dato Bendahara ini terletak kira-kira 32 kilometer dari Pusat Bandar Melaka. Pada masa itu namanya ialah Sekolah Menengah Inggeris Jasin.

Pelajar-pelajarnya terpaksa menumpang di Sekolah Rendah Jasin English School, sekarang dikenali sebagai Sekolah Rendah Kebangsaan Air Baruk. Pada tahun 1961, barulah bangunan sekolah siap dan pelajar berpindah ke bangunan baru ini. Kedudukan fizikal Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Bendahara ini telah mengalami empat peringkat perkembangan fizikal. Bangunan-bangunan yang sedia ada sekarang ini telah dibina pada tahun 1961, 1968, 1974 dan 1983. Keseluruhan SMK ini mempunyai 29 buah kelas dan sebuah pusat sumber. Jumlah keseluruhan pelajar lelaki dan perempuan ialah 1350 orang. Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Bendahara, Jasin ini mempunyai kelas tingkatan enam rendah dan atas. Jumlah bilangan guru ialah seramai 74 orang.

Sementara Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Rambai pula terletak 25 km dari Bandar Melaka. Sekolah ini telah dibina pada tahun 1980 dengan hanya mempunyai dua blok, sebuah kantin, sebuah bengkel seni perusahaan dan kelengkapan lain siap dibina.

Pada 1hb. Januari 1981 sekolah ini telah dibuka dengan rasminya dan dinamakan Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Rambai. Pada awal penubuhannya terdapat 12 orang guru iaitu 8 lelaki dan 4 perempuan. Kini sekolah ini mempunyai jumlah pelajar seramai 900 orang. SMK Sungai Rambai ini tidak mempunyai kelas tingkatan enam sama ada enam rendah atau enam atas. Memandangkan bangunan baru masih belum siap, terdapat 2 sesi persekolahan pada masa ini iaitu sesi pagi dan sesi petang. Bangunan fizikal juga telah ditambah selari dengan pertambahan bilangan pelajar-pelajarnya. Jumlah guru SMK Sungai Rambai seramai 46 orang.

Sekolah pilihan kajian yang ketiga ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Air Molek, Melaka. SMK Air Molek ini terletak di Jalan Bukit Lintang, Melaka yang jaraknya dari Pusat Bandar Melaka cuma 14 kilometer sahaja. Walau pun jaraknya agak dekat berbanding dengan SMK Dato Bendahara, Jasin dan SMK Sungai Rambai, namun ianya tetap dikategorikan sebagai SMK luar bandar kerana lokasinya perletakkannya di kawasan kampung.

Sekolah ini telah dibuka dengan rasminya pada 4 Januari 1982. Peringkat permulaan persekolahan terpaksa menumpang belajar di Sekolah Kebangsaan Air Molek sehingga 3 Mei 1982. Keadaan fizikal bangunan SMK Air Molek ini terdiri dari 3 blok, tiga tingkat. Sekolah ini mempunyai 20 buah bilik darjah, sebuah bilik tayangan di samping kemudahan bilik-bilik lain. Sehingga kini, SMK Air Molek ini mempunyai pelajar-pelajar seramai 1059 orang disamping jumlah semua guru 72 orang.